

Jenis Akhbar : Harian Metro

Tarikh : 05/06/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 26

Tajuk : ANGKASA santuni 150 pesakit wad pediatrik PPUM



ABDUL Fattah (enam dari kiri) menyerahkan sumbangan hari raya kepada pesakit wad pediatrik PPUM, Siti Aisyah Azuwan (dua dari kanan).

Angkasa santuni 150 pesakit wad pediatrik PPUM

Kuala Lumpur: Keceriaan terpancar di wajah 150 pesakit Wad Pediatrik Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) selepas menerima sumbangan daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), baru-baru ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, program itu inisiatif Angkasa untuk menyantuni masyarakat selaras Prinsip Ketujuh Koperasi iaitu mengambil berat terhadap masyarakat.

Menurutnya, program yang dijalankan menerusi *coop care* itu sebahagian

tanggungjawab sosial korporat (CSR) Angkasa untuk memberi sokongan emosi kepada pesakit dan ahli keluarga ketika mengharungi detik sukar dalam kehidupan mereka.

"Dalam program ini, Angkasa menyerahkan sumbangan duit raya, kuih raya dan permainan untuk diletakkan di bilik permainan wad pediatrik PPUM untuk menceriakan pesakit," katanya.

Turut hadir, Naib Presiden Angkasa, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Angkasa, Nasir

Khan Yahya dan Timbalan Pengarah Iktisas PPUM, Zuraini Sulaiman.

Abdul Fattah berkata, Angkasa bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Persatuan Veteran Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam menyalurkan sumbangan bahan bacaan dan kuih raya kepada pesakit.

Menurutnya, bukan sahaja pesakit, Angkasa turut menyerahkan cenderahati kepada 70 petugas di wad pediatrik PPUM bagi menghargai pengorbanan mereka bertugas sepanjang Aidilfitri.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA